

24 APR 2002

PERDANA MENTERI RAI NAIB PRESIDEN CHINA

PUTRAJAYA, 24 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meraikan Naib Presiden China Hu Jintao pada majlis jamuan malam di Seri Perdana, di sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Pertanian Datuk Dr Effendi Norwawi.

Hu Jintao, yang dalam rangka lawatan negara empat hari sejak semalam, akan berlepas ke Pulau Pinang esok sebelum ke Singapura dan Amerika Syarikat.

-- BERNAMA  
MUN AZH NAK